

SOALAN NO: 181

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dr. Mansor Bin Abd Rahman [Sik] meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci berkaitan caj perubatan pergigian yang terkini dan apakah punca ura-ura kenaikan caj perubatan pergigian berlaku.

Tuan Yang Di Pertua,

Pengemaskinian prosedur dan caj rawatan pergigian merupakan salah satu daripada beberapa bahagian dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang telah dikaji semula. Terdapat 11 prosedur pergigian pada Perintah Fi (Perubatan)1982 dan setelah dikemaskini terdapat 70 prosedur pergigian pada Perintah Fi(Perubatan)(Pindaan) 2017. Ia telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2016.

Caj bagi rawatan pergigian (Jadual F) dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah menunjukkan kos rawatan asas semasa (bersubsidi) bagi rawatan pergigian di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semakan caj pergigian ini adalah hanya melibatkan pengurangan subsidi bagi pesakit **Kelas 1 dan Kelas 2** manakala caj rawatan pergigian sedia ada bagi pesakit **kelas 3** (pesakit dalam) adalah **dikekalkan**. Kadar caj bagi Kelas 1 adalah antara RM15 – RM1,200. Kadar caj bagi Kelas 2 adalah antara RM10 – RM400. Caj Kelas 3 tidak berubah iaitu antara RM0-RM50. Caj pergigian bagi pesakit luar pula adalah antara RM1 – RM500.

Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedia ada, Kerajaan terus komited memberikan subsidi yang tinggi bagi rakyat termasuk rawatan pesakit luar. Justeru caj rawatan pergigian sedia ada bagi **pesakit luar adalah kekal** misalnya pesakit luar hanya perlu membayar sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (scaling/cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.